

09 DEC 2002
SOROTAN-BANK/I
PUSINGAN BARU PENGGABUNGAN BANK?

Oleh: Norizatini Norali

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Sepuluh buah bank teras yang sedang memperkukuhkan operasi dalaman selepas pusingan pertama penggabungan industri, mungkin perlu mempersiapkan diri bermula tahun depan untuk menghadapi pusingan kedua.

Mereka telah menyelesaikan pusingan pertama tahun ini apabila Bank Utama akhirnya memeterai perjanjian dengan RHB Bank selepas rundingan yang mengambil masa yang lama.

Masyarakat kewangan tempatan kini bercakap tentang pusingan baru apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan menteri kewangan memberitahu pada awal November bahawa akan pengurangan lanjut bilangan kumpulan bank teras.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz juga telah berkata bahawa pusingan kedua penggabungan akan berlaku dalam tempoh kira-kira tiga tahun akan datang.

Ketika itu, akan ada tiga atau empat bank tempatan yang besar yang menawarkan semua jenis perkhidmatan, manakala yang lain akan menawarkan perbankan runcit dan untuk usahawan kecil dan sederhana seperti mana yang dinyatakan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan.

Macam mana sekalipun, proses penggabungan ini akan menjadikan mereka lebih besar dan kuat bagi menghadapi persaingan asing yang lebih sengit pada masa akan depan. Dan yang lebih penting adalah keupayaan untuk membiayai pelbagai sektor penting ekonomi negara, khususnya dalam pembaharuan ke arah ekonomi pengetahuan.

Seorang penganalisis berkata para bank akan sibuk tahun depan dalam merancang dan mengukuhkan operasi dalaman. "Sebahagian bank seperti Public Bank Bhd telah memulakan perancangan pengukuhan dalaman," katanya.

Beliau menganggap cadangan Public Bank untuk menjadikan Public Finance sebagai syarikat persendirian daripada syarikat awam, sebagai langkah untuk mempersiapkan diri menghadapi pusingan baru penggabungan.

Bagaimanapun, naib presiden eksekutif bagi dasar dan kawalan Bumiputra-Commerce Bank, Nik Hassan Nik Mohd Amin, berkata para bank masih tidak perlu untuk mempersiapkan diri menghadapi pusingan baru.

"Sebahagian kami akan menunggu masa yang sesuai kerana proses pengukuhan dalaman sedang dibuat sejak penggabungan pusingan pertama. Para bank sentiasa perlu mengintegrasikan organisasi mereka dan mengambil tahu teknologi terkini," katanya.

Sambil merujuk kepada kuasa penggerak pasaran akan memaksa diadakan penggabungan bank, beliau berkata yang menjadi masalah adalah pasaran tidak akan menunggu sesiapa.

Para bank akan berada dalam proses penggabungan apabila ada peluang berbuat begitu, katanya. "Bila ada peluang, ia akan berlaku," katanya.

Beliau menambah, untuk pusingan baru ini, banyak bank dijangka akan menghalusi aplikasi teknologi masing-masing untuk terus berdaya saing.

Selain iau penggabungan, kata Nik Hassan, para bank juga perlu menangani isu integrasi serantau dan kepelbagaian risiko.

Apabila pendedahan mereka kepada pasaran antarabangsa berkembang, bank-bank tempatan akan terpaksa mempelbagaikan risiko mereka, katanya.

Tentang prestasi industri perbankan tahun depan, Standard & Poor's (S&P) dalam laman webnya telah mengunjurkan penurunan dalam nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) tahun depan kerana peningkatan kualiti aset entiti korporat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Tahun ini, industri perbankan tempatan turut menyaksikan bekas ketua pegawai eksekutif Standard Chartered Bank Malaysia, Michael Hague, dilantik sebagai ketua pegawai eksekutif RHB Bank. -- BERNAMA

NN MR KTC SHY JR